**AKHBAR : SINAR HARIAN**
**MUKA SURAT : 10**
**RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19**

# Malaysia catat 2,188 kes positif

Selangor penyumbang tertinggi iaitu 1,623 kes, empat kematian dicatat semalam

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kes baharu jangkitan Covid-19 terus melonjak kepada angka tertinggi dengan 2,188 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataannya berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah kes aktif meningkat kepada 14,353 kes.

"Jumlah kumulatif bagi jangkitan Covid-19 di negara ini adalah 58,847 kes," katanya

Menurutnya, Selangor menjadi penyumbang tertinggi peningkatan kes iaitu 1,623 bersamaan 74.2 peratus.

"Daripada jumlah kes di Selangor, sebahagian besarnya iaitu 1,511 kes terdiri daripada Kluster Teratai," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, Sabah merekodkan 10.6 peratus iaitu 232 kes baharu semalam.

"Sebanyak 31 kes baharu daripada kluster sedia ada, 131 kes saringan kontak rapat dan kes positif dan 70 lain-lain saringan.

"Selain Selangor dan Sabah, Perak turut merekodkan 112 kes (5.1 peratus) daripada kluster sedia ada," katanya.



Petugas kesihatan membuat pemeriksaan ke atas pekerja Top Glove berikutan penularan wabak Covid-19 di asrama pekerja kilang itu di Meru, Klang. Kes Top Glove itu membabitkan Kluster Teratai menjadi antara penyumbang terbesar kes positif Covid-19 di Selangor.

Menurutnya, sehingga kini, terdapat 112 kes positif Covid-19 yang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) termasuk empat memerlukan bantuan pernafasan.

"Dukacita dimaklumkan terdapat pertambahan empat kes kematian berkaitan Covid-19 pada hari ini (semalam)," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan 119 kluster Covid-19 berkaitan tempat kerja.

"Daripada jumlah itu, hanya 36 kluster diisytiharkan tamat manakala 83 kluster berkaitan tempat kerja masih aktif sehingga hari ini.

"Seramai 77,201 individu telah disaring dan 12,079 daripadanya disahkan positif Covid-19 dengan melibatkan 4,398 rakyat tempatan dan bakinya 7,681 warga asing," katanya.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham menyeru agar majikan dapat memainkan peranan lebih besar untuk bersama-sama menangani penularan Covid-19.

